

## **Pemikiran al-Banna dan Ideologi Barat: Pertembungan Dua Agenda<sup>1</sup>**

Disediakan oleh  
Rusydi Alias<sup>2</sup> & Nor Saleha Mohd. Salleh<sup>3</sup>

### **Abstrak**

*Tulisan ini bertujuan untuk mengkaji pemikiran Hasan al-Banna dan ideologi yang dibawa oleh Barat serta pertembungan antara dua agenda. Masyarakat Barat menganuti fahaman HUMANISME yang membawa kepada gagasan penolakan kepada agama yang dianggap sebagai mitos kepada manusia. Humanisme mengajak manusia berpaling daripada Tuhan yang mencipta mereka dan mementingkan diri sendiri sebagai manusia. Kefahaman ini telah menjadi pegangan masyarakat Barat yang akhirnya melahirkan berbaga-bagai isme yang lain seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme dan lain-lain. Fahaman yang sedang menular ke dalam masyarakat Islam ini menimbulkan ancaman dan menggugat keperibadian dan jatidiri umat Islam. Ini menjadikan umat Islam terpisah daripada agama dan intima' bangsanya. Memahami hakikat tersebut, Hasan al-Banna telah merangka satu pemikiran yang dapat menangkis ancaman tersebut demi mengekalkan identiti serta jatidiri umat Islam dengan memahami Islam sebagai satu sistem hidup yang syumul. Al-Banna menegaskan kehidupan manusia haruslah berpaksi kepada sistem yang berteraskan agama. Antara objektif kajian ini ialah memperkenalkan teori humanisme sebagai agenda yang melahirkan fahaman dan ideologi yang menjadi pegangan masyarakat Barat dan Eropah serta ancamannya kepada identiti dan jatidiri umat Islam amnya dan bangsa Melayu khususnya di Malaysia. Memperkenalkan model fikrah Islam Syumul yang dibawa oleh al-Banna sebagai satu agenda yang boleh menangkis ancaman humanisme dan ideologi Barat yang lain. Mendedahkan bahaya dan ancaman humanisme dalam menangani masalah pluralisasi serta pengaruhnya ke atas senario politik semasa di Malaysia. Senario ini sekiranya tidak dihalang akan membawa impak yang besar kepada agenda masa depan bangsa dan Islam di tanah air.*

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Pemikiran Hasan al-Banna dalam Melakar Agenda Ummah di UNITEN, Bandar Baru Bangi, pada 30 Jan 2010, anjuran Ikatan Muslimin Malaysia.

<sup>2</sup> Penulis ialah Ketua Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

<sup>3</sup> Penulis ialah Ketua Wanita Ikatan Muslimin Malaysia.

## PENGENALAN

Bangsa Eropah dan Barat berpeluang menjalin hubungan dengan masyarakat Islam melalui peperangan salib dan Arab Andalusia. Hubungan ini memberi peluang kepada mereka membuka minda dan ilmu pengetahuan yang cukup luas. Kesannya muncul kebangkitan dari aspek tatasusila dan ilmu dalam segenap lapisan masyarakat Eropah dan Barat. Pihak gereja terpaksa bertindak menghalang fenomena asing ini dengan menggunakan segala kuasa yang ada seperti mengenakan hukuman dan seksaan yang tidak berperikemanusiaan dan cuba mempengaruhi rakyat menentang dan menolak fenomena baru ini.

Namun, semua ini tidak mampu bertahan apabila berhadapan dengan realiti dan penerokaan ilmu. Akhirnya kebangkitan sains ini beroleh kejayaan besar sehingga berjaya menyedarkan negara dan menyerang struktur gereja. Masyarakat Eropah kini bebas sepenuhnya daripada cengkaman kuasa gereja. Mereka berjaya meminggirkan paderi-paderi di rumah ibadat dan biara sahaja. Lebih dahsyat lagi, pope dipaksa bertapa di Vatican. Peranan agama dikecilkan pada ruang hidup yang sempit. Eropah kini beranggapan Kristian hanyalah warisan sejarah. Kristian hanya menjadi satu kaedah untuk mendidik rakyat kebanyakan atau salah satu cara untuk menguasai dan memenuhi tujuan politik.

Kemajuan ilmu pengetahuan menyebabkan masyarakat Eropah dan Barat berubah mengikut perkembangan industri dan teknologi. Mereka mula menikmati kekayaan yang datang mencurah-curah. Norma hidup masyarakat turut berubah. Mereka mula menisihkan agama dari segala aspek kenegaraan, kehakiman dan pendidikan. Dasar materialisme atau humanisme<sup>4</sup> menjadi ukuran dalam semua perkara. (al-Banna 2003).


Eropah berusaha menyebarkan arus materialisme atau humanisme ke seluruh negara Islam yang jatuh ke tangan mereka. Arus itu cepat tersebar sehingga berjaya mempengaruhi setiap lapisan masyarakat samada golongan pendidik, ahli politik, ahli ekonomi dan sebagainya. Mereka berjaya menggambarkan Islam hanyalah membabitkan beberapa amalan akidah, ibadat dan akhlak. Muslihat mereka ini berjaya disebabkan kejahilan umat Islam sendiri memahami agama mereka yang sebenar.

---

<sup>4</sup> Ekspresi dari sebuah falsafat umum yang mewujudkan dirinya di bawah nama materialisme (Harun Yahya 2009).

Tamadun Barat yang berpaksikan fahaman materialisme atau humanisme ini berjaya menguasai pertembungan sosial ini menentang tamadun Islam yang berpaksikan gabungan roh dan jasad.

### HUMANISME DAN BAHAYANYA KEPADA AGENDA BANGSA



Jadual 1.1 : Rupa wajah humanisme (Harun Yahya 2009; Fuad Muhsin al-rawi 2009; Anis Malik Taha 2005; Anuar al-Jundi 1999)

**Humanisme** adalah satu agenda yang berasal dari Eropah. Ia mula berkembang pada zaman Renaissance pada abad ke-15 dan 16 Masihi (Abdul Hadi 2009). Humanisme adalah satu agenda yang berpusatkan kepada nilai manusia dalam membuat keputusan. Menurut Harun Yahya dalam bukunya Ancaman Global Freemasonry, humanisme merupakan satu ancaman dan serangan ke atas agama. Ini berikutan fahaman ini yang menolak agama dan Tuhan yang mencipta mereka. Fahaman humanisme ini bukanlah satu fahaman yang baru muncul. Fahaman humanisme ini berasal daripada doktrin Kabbalah yang berasal daripada Mesir Kuno. Fahaman ini telah muncul lebih awal daripada falsafah Yunani yang dibawa oleh Socrates, Plato dan Aristoteles (Abdul Hadi 2009).

Humanisme memasuki Eropah melalui sumber Kabbalah. Keyakinan masyarakat Kristian berdasarkan kepada kewujudan Tuhan. Manusia pula adalah hamba ciptaan Tuhan yang bergantung kepada-Nya. Bagaimanapun, pengaruh pemikiran Kabbalah mula menguasai masyarakat Barat. Pada abad ke-15, arus humanisme mula bertapak dalam pemikiran Barat dan Eropah (Harun Yahya 2009).

**Pemikiran humanisme** meletakkan kehendak manusia sebagai matlamat dan pusat kehidupan. Kebebasan kehendak dijadikan sembah. Negara, kerajaan dan ritual agama hanya timbul setelah berlaku pertembungan dalam kehendak-kehendak tersebut. Tetapi dengan kemajuan teknologi, mereka mempromosikan globalisasi dan ianya menuju ke arah mengencilkan kembali kuasa kerajaan dan fungsi agama untuk memberi ruang kembali kepada kehendak manusia (Taha 2005).

“Materialisme, sekularisme, komunisme, sosialisme, kapitalisme, liberalisme, demokrasi, pluralisasi dan globalisasi ; semuanya lahir dari kefahaman humanisme. Nampak berbeza, tetapi sebenarnya mempunyai persamaan di satu noktah. Semuanya lahir dari revolusi hasil tindakan kejam gereja dan golongan bangsawan terhadap para ilmuwan dan rakyat jelata di zaman Feudal Eropah. Penolakan yang amat ekstrem terhadap agama membawa Eropah kepada kecintaan yang tidak terhingga terhadap diri sendiri. Kecintaan yang membawa kepada satu bentuk penyembahan kehendak diri atau apa yang diistilahkan oleh sebahagian pengkaji sebagai humanisme.

**Kapitalisme** amat jelas dalam memberikan ruang kepada kehendak manusia. Persaingan tanpa rahmat membawa kepada jurang yang amat jauh dalam struktur masyarakat. Riba dan monopoli menjadi asas yang tidak boleh ditolak oleh dunia. Komunisme mungkin dilihat lebih adil memberikan hak persamaan kepada semua manusia. Nampak jauh

berbeza dengan kapitalisme tetapi sebenarnya sama dari sudut penyembahan kepada kehendak manusia; cuma dengan cara yang berbeza, iaitu dengan menyamakan kehendak agar semua kehendak dipenuhi.

Penagih dadah dibenarkan memiliki sejumlah dadah untuk dirinya sendiri. Melebihi had itu baru dikira salah. Boleh menagih di mana-mana sahaja kerana itu kehendak mereka yang perlu disembah. Apa yang kerajaan mampu lakukan hanyalah menyediakan tong sampah khas untuk picagari dadah agar tidak mengganggu rakyat yang tidak minat dengan dadah.

Arak bukan suatu yang baik untuk manusia. Ia adalah kepala kepada segala kejahatan seperti yang pernah diungkapkan. Tetapi apa yang Barat boleh lakukan untuk mengelakkan rakyatnya dari dicemari dengan najis arak? Kehendak manusia mengatasi segala kebaikan dan masalah.

Seks dianggap sebagai kehendak manusia yang boleh dipenuhi dengan apa-apa juga cara, juga mengikut kehendak manusia. Berdirinya kedai-kedai 'adult shop' di celah-celah deretan kedai lain di Barat diterima oleh masyarakat dengan begitu baik. Tidak menjadi kesalahan kerana ianya tidak lebih dari 'serve' kehendak sebahagian anggota masyarakat (Taha 2005).

**Globalisasi** merupakan antara agenda yang dicanangkan oleh Barat ke atas dunia Islam. Ia membawa maksud dunia tanpa sempadan, semua manusia berada dalam ruang alam yang satu, mendapat taujih yang satu dalam tamadun yang satu (al-Rawi 2009). Globalisasi telah mencabul kedaulatan sesebuah negara dan bangsa baik dari segi bahasa, budaya, undang-undang, tanah air dan agamanya. (Ghazali 1998; al-Jabiri 1997). Bukan itu sahaja, globalisasi mengakibatkan masyarakat Islam hanyut dalam kehendak diri tanpa batasan agama dan sempadan akhlak. Ini adalah satu pencabulan kepada nilai-nilai kemanusiaan yang dirancang secara sengaja oleh agenda Barat (al-Jamil T.t). Globalisasi melahirkan bangsa Melayu yang tiada identiti kemelayuan dan ketimurannya. Hilangnya jatidiri seorang anak Melayu yang berani dan berpegang teguh kepada agama. Globalisasi menjadikan kita bangsa yang ikut dan tunduk kepada agenda dan kehendak orang lain.

Jika diteliti kandungan globalisasi, ia mempunyai satu aspek utama iaitu **hegemoni** atau kekuasaan. Hegemoni bukan sahaja bermaksud kekuatan tentera tetapi juga merangkumi kekuatan ekonomi, idea, agama, etika, peradaban dan lain-lain. Hegemoni Barat bukan sahaja terletak kepada kekuatan tentera, malah menguasai aspek nilai, budaya, termasuk jugalah **agama** (Ghazali 1998).

**Arus pemikiran humanisme** ini bukan sahaja berkembang dalam kalangan masyarakat Barat dan Eropah. Melalui agenda penjajahan, perdagangan dan Kristianisasi Negara Eropah dan Barat ke atas dunia Islam, fahaman ini mula menular dan menyerap masuk ke dalam pemikiran masyarakat Islam. Secara khususnya, bangsa Melayu di Malaysia juga berhadapan dengan ancaman identiti dan jatidiri yang dibawa oleh humanisme dan isme-isme yang lain. Ancaman utama yang dihadapi ialah pemindahan budaya daripada Barat, sekularisme, budaya hedonisme, Islam liberal, pluralisme. Sekularisme merupakan konsep untuk memisahkan manusia dengan agama. Ia telah menular dengan hebat dan telah menjadi ritual. Sedangkan Islam tidak dapat dipisahkan daripada keseluruhan hidup dan segala kegiatan hidup berkaitan dengan agama, yang dikatakan Islam sebagai ad-din (Harusani 2009).

**Sekularisme** secara terang-terang memusuhi Islam. Proses sekularisasi memang ditujukan untuk melawan Islam. Istilah-istilah sekularisme, sekularisasi, sekular tidak boleh dihubung-hubungkan dengan Islam ( al-Attas 1978; al-Qardawi 1977). Dalam konteks Malaysia, Islam telah dinyatakan dalam perlembagaan sebagai agama rasmi negara. Dalam satu aspek, ini merupakan perlindungan undang-undang kepada Islam itu sendiri. Bagaimanapun, perlu diingat, proses globalisasi yang sedang rancak berjalan, lambat laun akan mencabar undang-undang setiap negara. Apabila kubu pertahanan ini tumbang dan bilangan penduduk Islam di Malaysia tidak menjadi majoriti, sudah tentu kedudukan Islam dan bangsa Melayu akan tergugat (Ugi Suharto 2007).

## **PEMIKIRAN AL-BANNA DALAM MENGANALISA SENARIO POLITIK SEMASA**

Al-Banna telah menyedari tentang bahaya dan ancaman ideologi Barat kepada bangsa Arab di Mesir. Semangat rakyat hancur berkecai akibat segala krisis yang melanda senario politik Mesir ketika itu. Jentera pentadbiran rakyat dicemari budaya mementingkan diri sendiri, menurut kepentingan parti, salah guna kuasa dan salah laku. Pentadbiran pusat yang menyulitkan dan karenah birokrasi yang rumit, ditambah pula dengan masing-masing tidak mahu memikul tanggungjawab. Undang-undang tidak lagi berkuasa mendidik manusia dan budaya telah dicemari oleh amalan kronisme dan diskriminasi.

Harga barangan melambung tinggi. Kadar pengangguran yang semakin meningkat akibat tiada peluang pekerjaan. Taraf hidup yang semakin menurun dalam kalangan majoriti rakyat sehingga ke tahap yang tidak dapat dibayangkan oleh manusia. Sifat kasih sayang sesama insan semakin hilang, keganasan bermaharajalela, wujud kecenderungan

bertindak kejam dan ganas. Semua kemarahan rakyat yang bakal diluahkan melalui beberapa tunjuk perasaan dan demonstrasi jalanan. Nilai-nilai akhlak semakin hilang kedudukannya di mata masyarakat. Amalan keji dan budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai akhlak berleluasa di merata tempat. Masyarakat kita hari ini diselubungi kekeliruan. Keliru tentang identiti dan jatidiri yang perlu menjadi pegangan dan anutan. Krisis moral dan politik yang melanda masyarakat

Kalau kita perhatikan apa yang dialami oleh bangsa Arab di Mesir pada zaman Hasan al-Banna itu jugalah yang dialami oleh bangsa Melayu di bumi Malaysia.

Dalam usaha untuk menguasai jiwa dan hati bangsa, semua ideologi ini akan berjuang habis-habisan. Komunisme berusaha gigih menerapkan fahaman mereka ke dalam jiwa orang ramai. Kita berhadapan dengan komunisme dan sosialisme. Dalam kefahaman antarabangsa, kedua-dua fahaman ini dianggap sebagai sebahagian daripada nilai demokrasi.

Salah satu faktor yang menyebabkan bangsa Timur menyimpang daripada Islam dan memilih untuk meniru Barat ialah hasil kajian yang dibuat oleh pemimpin mereka terhadap kemajuan Barat. Mereka meyakini tamadun Barat hanya bangkit setelah mereka menolak agama dan menghapuskan gereja. Setelah mereka menghapuskan kuasa Pope, paderi dan orang-orang agama, mereka membuang segala imej agama yang wujud pada bangsa mereka. Mereka juga memisahkan sepenuhnya agama daripada pemerintahan negara. Jika tindakan ini betul untuk bangsa Barat, ia sama sekali tidak betul untuk umat Islam. Ini kerana budaya pendidikan Islam berbeza dengan budaya pendidikan mana-mana agama yang lain.


Kuasa ulama dalam kalangan umat Islam amat terbatas. Mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keadaan dan menukar sistem. Umat Islam hari ini rata-rata kehilangan sahsiah atau identiti sebagai umat pilihan, hilang kekuatan dan terumbang-ambing menjadi buih, tidak digeruni atau disegani lagi seperti yang disebutkan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Hampir seluruh umat manusia bersatu menghancurkan kamu seperti orang yang sedang lapar menghadapi hidangan makanan. Mereka bertanya: ‘Apakah kita sedikit pada masa itu, wahai Rasulullah?’ Jawab baginda: ‘Malah kamu banyak, tapi kamu laksana buih air bah.’”*

Masyarakat kita berhadapan dengan krisis ekonomi dan sosial. Masalah ini berpunca daripada kepincangan akhlak, kehilangan role-model, mengutamakan kepentingan peribadi lebih daripada kepentingan umum, takut untuk berhadapan dengan kenyataan dan tidak mahu memikul tanggungjawab. Bagi mengatasi masalah ini, al-Banna

menggesa agar diri yang rosak itu perlu dirawat dan berusaha membetulkan akhlak masyarakat.

### FIKRAH AL-BANNA DALAM MERANGKA AGENDA BANGSA



### Jadual 1.2: Model Fikrah Islam Syumul menurut Hasan al-Banna

Bagi menangkis fahaman dan ideologi Barat ini, al-Banna telah merangka satu Model Fikrah Islam Syumul. Dalam model ini, al-Banna menjelaskan tentang Islam sebagai agama dan negara.

**Menurut al-Banna**, agama itu membangun melalui jihad generasi silam yang berlandaskan asas-asas yang kukuh, iaitu keimanan kepada Allah s.w.t. mengenyepikan kesenangan hidup yang sementara, mengutamakan kehidupan yang kekal abadi, berkorban dengan darah, nyawa dan harta demi menegakkan kebenaran, cintakan mati pada jalan Allah. Semua ini dilalui dengan berlandaskan pimpinan al-Quran al-Karim.

Islam merangkumi aspek keagamaan dan kemasyarakatan, masjid dan negara, dunia dan akhirat. Malah Islam juga menyentuh sudut praktikal dalam kehidupan dunia dengan meletakkan semua amalan yang baik adalah ibadat kepada Allah s.w.t.

Islam adalah sistem hidup yang lengkap, bersifat sepadu, saling berkait dan menguatkan antara satu aspek dengan aspek lain. Sistem ini berbeza daripada sistem lainnya dari segi wataknya, gagasannya tentang kehidupan dan cara pelaksanaannya. Perbezaan ini adalah perbezaan yang asasi dan menyeluruh. Oleh itu Islam tidak bertanggungjawab terhadap masalah yang timbul dalam masyarakat hari ini kerana masalah itu lahir akibat Islam dipisahkan daripada realiti kehidupan.

Sebenarnya untuk mengambil Islam sebagai penyelesaian masalah, terlebih dahulu Islam perlu dijadikan pengatur seluruh kehidupan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia ini. Setelah itu apabila timbul persoalan atau permasalahan barulah wajar untuk meminta pandangan Islam mengenai persoalan itu kerana masalah itu timbul dalam sistem Islam, bukan ditimbulkan oleh sistem bukan Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Wahai orang yang beriman masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.” (Al-Baqarah: 208).*

**Islam mendidik manusia** dengan sistem tertentu, memerintah dengan hukum tertentu, menyelesaikan masalah mereka atas dasar tertentu serta mewujudkan sistem kemasyarakatan, ekonomi dan politik yang tertentu. Jadi perkara utamanya ialah melaksanakan Islam sebagai sistem yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan. Semua aktiviti bersosial, berpolitik, berekonomi, berbudaya, berperang dan lain-lain adalah berpaksikan kepada agama yang suci ini.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah yakin bahawa hukum dan ajaran Islam lengkap mencakupi seluruh urusan manusia di dunia dan akhirat. Mereka yang merasakan ajaran Islam ini hanyalah menyentuh aspek ibadat atau kerohanian tanpa membabitkan aspek-aspek lain, adalah silap. Islam adalah akidah dan ibadat, tanah air dan bangsa, agama dan negara, rohani dan amali, mashaf dan pedang. Al-Quran al-Karim menyentuh semua aspek ini dan meletakkan seluruh aspek ini sebagai TERAS ISLAM. Islam mengingatkan manusia supaya memenuhi seluruh aspek ini. Ini ditegaskan dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qasas ayat 77 yang bermaksud;

*“Dan carilah apa yang dikurniakan Allah kepadamu pada hari Akhirat, dan jangan kamu lupa habuan kamu di dunia”.*

**Al-Quran al-Karim menjadi sumber inspirasi** dan bimbingan al-Banna ketika menterjemahkan makna Islam yang syumul. Seluruh aspek kehidupan umat hendaklah bersumberkan ajaran Islam, jika kita mahu menjadi umat Islam yang sebenar. Namun begitu, jika kita hanya mengambil aspek ibadat atau akhlak sahaja dalam amalan harian, dan meniru bangsa non-muslim dalam aspek kehidupan yang lain, kita telah menjadi umat Islam yang cacat Islamnya, menurut telunjuk mereka.

Asas kepada ajaran dan intipati Islam adalah al-Quran al-Karim dan sunnah Rasulullah s.a.w. Sekiranya umat Islam berpegang teguh dengan kedua-dua sumber ini, mereka tidak akan sesat selama-lamanya. Oleh itu, sistem Islam yang sepatutnya menjadi asas kepada umat ini mestilah dipetik daripada sumbernya yang asli. Kita perlu memahami Islam sebagaimana yang difahami oleh para sahabat dan tabien yang saleh dan diredai Allah s.w.t. Kita tidak perlu mencorak zaman kita menurut budaya zaman yang tidak bertepatan dengan Islam.

Bagi menjamin pelaksanaan perkara ini dengan betul, **Islam menitik beratkan soal pemulihan jiwa** manusia yang merupakan teras kepada sistem ini. Inilah teras yang akan menjana pemikiran, penilaian dan pembentukan sistem Islam. Islam menyenaraikan

penawar yang dapat membersihkan jiwa manusia daripada nafsu serakah. Islam menghalang jiwa manusia bersifat kejam, alpa dan zalim. Jika jiwa manusia berjaya dilentur dan dibersihkan, pasti setiap yang lahir daripada jiwa ini elok dan baik belaka. Atas dasar inilah, jiwa manusia mendapat perhatian utama dalam Kitab Allah s.w.t. Manusia yang pertama dicorak oleh Islam kini menjadi model kepada manusia yang sempurna. Islam sebenarnya sesuai dengan semua zaman dan bangsa. Islam seiring dengan segala kehendak dan tuntutan. Islam tidak pernah melarang umatnya memanfaatkan apa jua yang sesuai selagi tidak bertentangan dengan dasar-dasar am Islam.

### **ANCAMAN HUMANISME DALAM MENANGANI MASALAH PLURALISME DI MALAYSIA**

Bila bercakap tentang humanisme secara global, bagaimana fikrah al-Banna menentang humanisme dalam konteks negara Malaysia. Fikrah al-Banna menuntut kepada kita meletakkan ketuanan Islam (siyadah Islam) dalam melaksanakan struktur kenegaraan. Inilah yang dimaksudkan oleh al-Banna sebagai Islam itu adalah sistem hidup yang syumul, yang merangkumi aspek akidah, ibadah, tanah air, bangsa, toleransi, kuasa, akhlak, budaya, ekonomi dan undang-undang.

**Memahami Islam** ialah merasai dan meletakkan Islam sebagai penguasa dan pemimpin kepada sebuah masyarakat majmuk. Perlembagaan Malaysia telah meletakkan Islam sebagai agama rasmi bagi negara Malaysia. Ini menunjukkan sebenarnya ketuanan Islam perlu dipertahankan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Inilah yang berlaku dalam negara kita Malaysia apabila ketuanan Islam masih lagi menjadi dominan.

Namun begitu, pilihanraya umum ke-12 (PRU 12) baru-baru telah membawa perubahan besar dalam struktur pentadbiran dan pemerintahan negara. Selepas PRU 12, kita mendengar dan melihat banyak tuntutan yang telah dibuat oleh non-muslim di negara kita yang melibatkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi mula tercabar dan status-quo orang Melayu mula tergugat.

Keadaan ditambah lagi dengan senario perubahan kuasa politik selepas PRU 12 yang menyaksikan keberanian non-muslim khususnya DAP yang begitu lantang dalam mengetuai arus reformasi. Desakan demi desakan yang dilakukan oleh non-Muslim bagi menuntut hak yang sama rata seperti Interfaith Council (IFC), Su Qiu dan lain-lain telah disambut dan disokong oleh segelintir orang Melayu yang beragama Islam. Yang paling

terjejas dan rugi dalam isu ini ketuanan Islam itu sendiri. Ini juga menunjukkan umat Islam tidak bersatu dalam mempertahankan ketuanan Islam di bumi Malaysia.

**Arus berbilang agama** telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia. Persoalannya ialah bagaimana kita bangsa Melayu yang beragama Islam yang merupakan penduduk asal negara ini mampu menangani isu pluralisme dalam kalangan masyarakat yang berbilang agama ini?

Setengah pihak yang tertentu telah mengambil kesempatan di atas kelemahan yang ada untuk membawa agenda mereka ke tengah masyarakat. Arus dalaman yang semakin mendominasi ini telah mendapat sokongan padu daripada sekular luar telah memberi kesan yang tidak sedikit kepada status-qou bangsa Melayu. Arus ini cuba membawa masyarakat Malaysia kepada satu arah yang melaksanakan konsep kesamarataan yang mutlak dalam masyarakat berasaskan kepada fahaman sekularisme Barat atau humanisme yang meletakkan semua orang mempunyai hak yang sama tanpa mengira agama, bangsa dan lain-lain.

Keadaan ini tentu sekali menjejaskan kepentingan umat Islam dari sudut kehandak agama yang mahukan mereka menjadi bangsa yang memimpin. Secara praktikalnya, bangsa Melayu yang beragama Islam mampu mengekalkan dominasi dan penguasaan ini secara realiti. Disebabkan keserabutan dan kekeliruan pemikiran yang berlaku dalam kalangan bangsa Melayu sendiri, maka mereka kehilangan punca dalam menyelesaikan kemelut yang semakin membarah ini.

Ada dalam kalangan masyarakat Melayu yang melihat isu di atas sebagai satu masalah atau isu yang tidak perlu diperbesar-besarkan. Ada sebahagian masyarakat Melayu yang menyedari isu dan masalah yang melanda dan yang paling menyedihkan ada dalam kalangan bangsa Melayu yang tidak faham dan menyedari bahaya yang sedang menimpa bangsa mereka. Bangsa Melayu adalah bangsa yang majoriti di bumi Malaysia. Mereka adalah kaum asal yang mendiami tanah pusaka ini. Mereka rela menjadi bangsa yang lemah dan hina. Ini satu kerugian besar kepada agama Islam dan bangsa Melayu sendiri.

**Kita menyeru kepada kesatuan Islam.** Kembali kepada fikrah al-Banna yang mahu kita berpegang kepada Islam sebagai satu sistem hidup. Islam yang mendominasi. Islam yang menjadi pemimpin dan ketua. Tidak ada kompromi dengan non-muslim dalam hal yang berkaitan dengan agama dan kedudukan Islam.

Kita harus membuat pilihan. Pilihan yang tepat ialah mengekalkan dominasi umat Islam dan menyelesaikan isu non-muslim berdasarkan keadilan Islam, mengikut kaedah Islam. Bukan Islam mendapat hak kerakyatan dalam negara Islam adalah dalam bentuk kontrak, mereka boleh hidup aman dan selamat, tetapi mereka tidak boleh merubah struktur

perlembagaan dan kenegaraan. Mereka diberi kebebasan untuk bergerak dan hidup di bawah naungan sistem Islam. Sebaliknya, kita umat Islam akan hilang kuasa dan kedudukan, terpaksa berjuang untuk hidup di bawah sistem liberal Barat walaupun berada di tanah air sendiri.

Pada hakikatnya, **kesan kita membelakangkan dan mengeneipikan Islam** sebenarnya membawa padah kepada kita sendiri. Selagi kita jauh dari roh Islam dan tidak melaksanakan ajaran Islam, kita akan terus terumbang-ambing dan semangat kita akan lemah. Kita akan berpecah dan kekuatan kita akan goyah. Jika kita dengan tegas dan berani menyatakan bahawa kami seluruh umat Islam bukan penganut komunisme, bukan demokrasisme dan bukan apa yang kamu sangka, sebaliknya dengan segala puji bagi Allah s.w.t. kami adalah orang-orang Islam. Nescaya ketika itu akan terpampang jalan hidayah dan cahaya. Islam akan menggabungkan kita. Seluruh saudara kita diseluruh muka bumi ini akan bersatu (Hasan al-Banna 2003). Inilah satu-satunya kekuatan dan penyelamat kita untuk berhadapan dengan pencabulan penjajahan Barat yang telah menggugat identiti dan jatidiri kita bangsa Melayu yang beragama Islam.

## KESIMPULAN

Humanisme merupakan satu agenda yang terancang oleh Barat untuk menghapuskan semangat bangsa dan rasa izzah sebagai seorang Islam. Penyerapan fahaman ini ke dalam jiwa dan pemikiran umat Islam berlaku dalam keadaan yang halus dan sistematik. Dalam konteks bangsa Melayu yang hidup dalam masyarakat majmuk di Malaysia, agenda ini perlu difahami dan ditangani dengan bijak dan tegas.

Humanisme akan menjadikan orang Melayu manusia tanpa bangsa dan tanpa agama. Manusia yang tanpa bangsa dan agama menjadikan kita manusia yang tiada agenda. Manusia yang tiada agenda sendiri akan sentiasa tunduk dan dipergunakan untuk melaksanakan agenda orang lain. Sehubungan dengan itu, setiap aktivis masyarakat, juru dakwah dan ahli politik perlu peka terhadap permasalahan ini dan tidak terjerat dalam perangkap agenda yang berasaskan humanisme Barat seperti hak asasi manusia, liberalisme dan sebagainya.

Justeru itu, saya menyeru diri saya dan seluruh bangsa Melayu agar bangkit dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana yang telah difahami oleh al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna. Menjadikan Islam sebagai satu cara hidup. Meletakkan agama sebagai pertimbangan dan mizan kehidupan kita. Inilah sahaja yang dapat

menyelamatkan kita dari terpengaruh dengan budaya dan fahaman sekular. Seterusnya mencipta tamadun bangsa berpaksikan kepada agama, membina negara berpaksikan agama, menegakkan keadilan berpaksikan agama, mengembangkan ekonomi dan pendidikan juga berpaksikan agama.

Katakanlah.. sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, matiku hanya untuk Allah Rabbul Alamin.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

\_\_\_\_\_. 1991. *Majmu'ah Rasail li al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah.

Ghazali Darusalam. 1998. *Dakwah Islam dan Ideologi Barat*. Kuala Lumpur: Utusan Pub.

Al-Jundi, Anuar. 2000. *Hasan al-Banna al-Daeyah wa al-Mujaddid wa al-Syahid*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Al-Jabiri, Mohamad Abid. 1997. *Qadaya al-Fikr al-Arabi al-Muasir*. Beirut: Markaz Dirasat al-Wehdah al-Arabiyah.

Al-Jamil, Sayyar. Tanpa tahun. *Al-Aulamah wa al-Mustaqbal*. Amman: al-Ahaliyah li al-Nasyr wa al-Tauzi'

Al-Hajrasyi, Fuad. 1999. *Hasan al-Banna Hamil Liwa' al-Dakwah fi al-Qarn al-Isyirin*. Kaherah: Dar al-Tabi' wa al-Nasyr al-Islamiyah.

Harun Yahya. 2009. *Ancaman Global Freemasonry*.  
<http://www.harunyahya.com/indo/buku/globalfreemasonry03.htm#33>

Ikatan Muslimin Malaysia

Al-Sisi, Abbas. 2001. *Hasan al-Banna Mawaqif fi al-Dakwah wa al-Tarbiyah*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah.

Al-Tilmithani, Umar. 1984. *Hasan al-Banna al-Mulham al-Mauhub*. Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah.

Taha, Anis Malik. 2005. *Al-Ta'adudiah al-Diniyah: Ru'yah Islamiah*. Gombak: UIAM

Al-Rawi, Fuad Muhsin. 2009. *Al-Fikr al-Islami fi Muwajahah al-Fikr al-Gharbi*. Amman: Dar al-Ma'mun li al-Nasyr wa al-Tauzi'.

Ridwan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil. *Islam Liberal dan Pluralisme Agama*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

Ugi Suharto. 2007. *Pemikiran Liberal Islam Liberal*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.